

Universiti Andalas dan SCSB Tandatangani MoU dengan UMS

Published: Thursday, 21 November 2013 17:46 | [Print](#) | Hits: 1465

Share 0

Tweet

Share

G+ Share 0



KHAMIS, 21 NOVEMBER – UMS telah menandatangani satu perjanjian kerjasama dengan Universiti Andalas (UNAND) dan Standard Chartered Siddiq Berhad (SCSB) pada satu majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara UMS dengan kedua-dua agensi tersebut di Galeri Majlis, UMS.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah mewakili UMS menandatangani MoU tersebut, manakala UNAND diwakili oleh Rektor UNAND, Dr. H. Werry Darta Taifur dan SCSB diwakili oleh Ketua Pegawai Operasinya, Tuan Hj. Mohd Nasiruddin Mohd

Kamaruddin. Upacara tersebut turut disaksikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UMS, Tun Dato' Seri Zaki Tun Azmi dan Konsul Besar Republik Indonesia, Soepeno Sahid.

Melalui kerjasama tersebut, UMS akan memperbaharui semula kerjasama yang terjalin dengan UNAND yang dilakukan pada tahun 2005 merangkumi kerjasama program mobiliti pelajar, perkongsian pengetahuan, kebudayaan dan kepakaran antara kedua-dua institusi pengajian tinggi tersebut.

Manakala kerjasama UMS dengan SCSB bakal melibatkan penglibatan kedua-dua pihak dalam satu program ciptaan SCSB, iaitu "Mystery Shopper & Calling Exercise" yang akan menyaksikan pelajar-pelajar UMS akan diberi tugas sebagai pelanggan berpotensi SCSB dan akan menjalankan lawatan atau membuat panggilan telefon ke cawangan SCSB.

Terdahulu, Datuk Harun dalam ucapannya berkata, kejayaan kerjasama yang terjalin pada MoU kali pertama antara UMS dan UNAND pada 2005 mendorong UMS memperbaharui kerjasama tersebut untuk manfaat kedua-dua pihak. Jelasnya, UMS juga komited untuk menjalin kerjasama dan mengeratkan rangkaian dengan pemain industri seperti SCSB.

"Antara pencapaian yang terhasil dalam kerjasama UMS-UNAND sebelum ini ialah penganjuran siri persidangan antarabangsa Asian Academy of Applied Business, selain 2 orang pensyarah dari UNAND telah berjaya menamatkan pengajian mereka di peringkat Doktor Falsafah di UMS."

"Melalui kerjasama dengan SCSB pula, penglibatan pelajar UMS dalam program SCSB akan memberi mereka pendedahan terhadap pengetahuan dalam bidang perbankan dan kewangan Islam, serta memberi peluang kepada mereka mengasah kemahiran komunikasi dan pemasaran," katanya. -MA-

Bahagian Media
Jabatan Canselori